

>Hujan lebat kesan Taufan Utor

PUTRAJAYA: Taufan Utor yang melanda Filipina, baru-baru ini dikenal pasti sebagai punca fenomena banjir luar biasa yang melanda Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang kelmarin.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis, berkata hujan lebat sejak kelmarin itu disebabkan angin kencang yang bergerak antara 50 hingga 60 kilometer sejam, menuju utara Semenanjung.

Katanya, angin kencang itu dijangka berkurangan

menjelang Ahad ini tetapi keadaan di Johor mungkin akan pulih esok (Jumaat).

“Cuaca yang dialami sejak beberapa hari lalu ini bukanlah corak cuaca yang biasa kita terima kerana hujan lebat ini disebabkan kesan selepas Taufan Utor di barat Lautan Pasifik,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Bagaimanapun, Jamaludin berkata, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis dijangka terselamat daripada angin yang membawa hujan lebat itu.